

*Received: 09 December 2020; Accepted: 22 April 2021*

## Keperluan Penilaian Pelaksanaan Mata Pelajaran Maharat Al-Quran di Sekolah Menengah Tahfiz Model Ulul Albab

Mohd Faizulamri bin Mohd Saad<sup>1</sup>, Sabri Mohamad<sup>2</sup>, Latifah Abdul Majid<sup>3</sup>, Nik Md Saiful Azizi b Nik Abdullah<sup>4</sup>, Rabi'atul Athirah Bt Muhamad Isa<sup>5</sup>  
 Email : <sup>1</sup>faizam@ukm.edu.my & <sup>5</sup>p97163@siswa.ukm.edu.my  
<sup>1,2,&3</sup> Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM  
<sup>4</sup> Kuliyyah Pendidikan, UIAM  
<sup>5</sup> Calon Doktor Falsafah Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

### **Abstrak**

Penyelidikan ini merupakan kajian terhadap keperluan penilaian pelaksanaan mata pelajaran Maharat al-Quran di Sekolah Menengah Tahfiz Model Ulul Albab. Selaras dengan perubahan gelombang pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) yang mengintegrasikan ilmu secara bersepada. Kurikulum TMUA yang menggabungkan tiga elemen penting iaitu Quranik, Ijtihadik dan Ensiklopedik ini telah bermula sejak tahun 2014 lagi. Melihat kepada sejarah penubuhan TMUA yang baru menjangkau enam tahun penubuhannya, maka kertas kerja ini membincangkan penilaian kemudahan dan alat bantu mengajar semasa pelaksanaan kurikulum Maharat al-Quran dan kaedah pengajaran guru TMUA. Fokus perbincangan juga melibatkan beberapa isu dan permasalahan yang berbangkit merangkumi beberapa elemen penting tentang mata pelajaran Maharat al-Quran ini. Reka bentuk kajian bersifat kualitatif ini melibatkan empat orang guru TMUA yang mewakili sekolah TMUA setiap zon di Semenanjung Malaysia. Dapatkan kajian menunjukkan kemudahan dan alat bantu mengajar memberikan impak yang tinggi terhadap keberkesanan pengajaran dan pemudahcaraan. Para guru juga mempunyai kesediaan yang tinggi terhadap elemen PAK 21 ketika PdPc. Di samping itu, kertas kajian ini juga membincangkan beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan isu yang dikaji serta mencadangkan akan keperluan membuat penilaian terhadap mata pelajaran elektif dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ini sebagai usaha membuat penambahbaikan terhadap pelaksanaan sedia ada di Sekolah Menengah TMUA.

**Kata kunci:** Penilaian, Pelaksanaan, Kurikulum, Maharat al-Quran, Tahfiz Model Ulul Albab

### **Requirements for Evaluation of the Implementation of Maharat Al-Quran Subjects at Tahfiz Model Ulul Albab Secondary School**

### **Abstract**

This research is a study on the assessment needs of the implementation of the Maharat al-Quran subject in Tahfiz Model Ulul Albab Secondary Schools. In line with the changing wave of education, the Ministry of Education Malaysia (MOE) has provided the Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) program which integrates knowledge in a unified manner. The TMUA curriculum which combines three important elements namely Quranic, Ijtihadik and Encyclopedic has started since 2014. Looking at the history of the establishment of TMUA which has just reached six years of its establishment, this paper discusses the evaluation of facilities and teaching tools during the implementation of the Maharat al-Quran curriculum and teaching methods of TMUA teachers. The focus of the discussion also involves a number of issues and problems that arise including some important elements of this Maharat al-Quran subject. This study used qualitative approach by interviewing four Ulul Albab teachers in Malaysia. The findings show there are variety of facilities and ABM used by teachers for the purpose of promoting active involvement of students following the learning session. In addition, this research paper also highlights some previous studies related to the studied issues and suggested the need to assess the elective subjects in the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) in an effort to make improvements to the existing implementation in TMUA Secondary Schools.

**Keywords:** Assessment , Implementation, Maharat al-Quran Curriculum, Tahfiz Model Ulul Albab

## **1. Pengenalan**

Pendidikan masa kini berhadapan dengan cabaran membentuk sahsiah seseorang individu. Bagi melahirkan sumber tenaga manusia yang berpengetahuan, berketrampilan dan berkemahiran, pendidikan berkualiti harus diterjemahkan.

Bertepatan dengan tuntutan ini, maka kurikulum yang baik dan relevan harus disediakan bagi melahirkan individu yang seimbang. Banyak agen perubahan yang diperlukan dan dipantau bagi memastikan kurikulum yang dibina mampu melahirkan produk yang berkualiti. Malah, pendidikan tafhiz kini dilihat sebagai pendidikan alternatif yang mampu menyepadukan pendidikan akademik dan agama (Noor Hisham Md Nawi & Nasrun Hakim Salleh, 2017). Perkembangan ini merupakan satu impak yang positif dalam sistem pendidikan negara kerana membuatkan masyarakat memilih pendidikan tafhiz sebagai pendidikan popular pada masa sekarang (Mohd Zulhilmi Haron, 2019). Penubuhan sekolah menengah Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) sejak tahun 2014 lagi telah melahirkan pelajar huffaz professional yang bakal mewarnai tumpuk pimpinan negara satu ketika nanti. Lima tahun di sekolah TMUA ini, pelajar akan melalui sistem kurikulum yang dibina khusus untuk melahirkan seorang professional huffaz yang mampu memimpin dan menjadi tauladan kepada masyarakat. Malah telah menjadi hasrat kerajaan untuk menambah baik sistem pendidikan ini supaya dapat mempersiapkan generasi al-Quran yang mampu memenuhi keperluan negara satu ketika nanti.

## **2. Latar Belakang Kajian**

TMUA merupakan sebahagian daripada Kurikulum Kebangsaan yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi melahirkan golongan professional dan cendekiawan agama yang menghafaz al-Quran (Azhar Ahmad, Hairul Hisham Adam, 2018). Pendekatan Model Ulul Albab telah memperkenalkan tiga elemen penting iaitu *quranik, ijtihadik* dan *ensiklopedik*. *Quranik* merujuk kepada kemampuan menghafaz 30 juzuk ayat suci al-Quran serta menjadikan al-Quran sebagai budaya hidup sehari-hari. *Ensiklopedik* pula dilihat sebagai kebolehan menjadi pakar rujuk dalam pelbagai bidang ilmu dan bahasa. Manakala *Ijtihadik* adalah kemampuan dalam menyumbangkan idea, membuat penyelesaian masalah, menginovasi dan memaksimumkan hikmah akal fikiran yang dikurniakan oleh Allah S.W.T dengan sebaik mungkin (Rabi'atul Athirah, 2016).

Perubahan dalam sistem pendidikan yang berubah mengikut keperluan masyarakat telah membawa kepada transformasi pendidikan agama (Mardhiah Yahaya, 2018). Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuka laluan pendidikan tafhiz dengan melaksanakan kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab di sekolah menengah Malaysia yang terpilih. Kurikulum tafhiz ini dibina berdasarkan kepada program Ulul Albab yang diperkenalkan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) terlebih dahulu kepada Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) yang terpilih.

## **3. Pernyataan Masalah**

Dapatan daripada Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Perlis (2017) menyatakan mekanisme pemantauan berkaitan pelaksanaan TMUA belum dianalisis secara berfokus oleh pihak kepimpinan. Sekaligus, keadaan ini telah memberi impak kepada pelaksanaan program TMUA terutamanya yang melibatkan aspek penglibatan murid semasa PdPc. Dapatan daripada

Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Perlis (2017) mencadangkan supaya pemantauan terhadap pelaksanaan TMUA didokumenkan agar tindakan susulan mudah diambil oleh semua pihak. Atas keperluan ini jugalah, pengkaji melihat kepada satu keperluan untuk menilai pelaksanaan kurikulum TMUA di sekolah-sekolah KPM secara lebih berfokus. Pengkaji telah memilih untuk menilai salah satu mata pelajaran yang terangkum di dalam kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab, iaitu mata pelajaran Maharat al-Quran.

Kajian lepas yang melibatkan Alat Bantuan Mengajar (ABM) ketika mengajar al-Quran bersetuju tentang penggunaan alat bantu yang sesuai mampu menghasilkan pembelajaran al-Quran yang lebih efektif dan mampu meningkatkan penguasaan pelajar terhadap al-Quran (Mohamad Marzuki et al., 2016, Muhd Zulhilmi et al, 2020). Dapatan kajian menunjukkan guru mempunyai reaksi positif terhadap kepentingan penggunaan ABM ini, namun tahap penggunaannya masih di tahap sederhana.

Selain itu, terdapat beberapa kajian lepas yang menyokong akan amalan pedagogi guru al-quran berada pada tahap sederhana (Mohd Marzuqi, 2008; Azmil, 2010; Mardhiah, 2017). Pengajaran menggunakan kaedah tradisional (Azmil Hashim, 2010) dan disokong dengan dapatan daripada Laporan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Perlis (2017) yang menunjukkan kaedah ini masih diperlakukan secara meluas di kalangan guru TMUA sama ada dalam mata pelajaran Hifz al-Quran mahupun Maharat al-Quran. Justeru itu, pengkaji juga menilai sejauh manakah tahap pengetahuan dan kemahiran guru Maharat al-Quran dalam melaksanakan kurikulum Maharat al-Quran di sekolah. Asasnya, pengkaji mengakui kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru semasa PdPc memberi impak dan kesan yang besar kepada pembentukan pelajar.

#### **4. Objektif Kajian**

Kajian ini secara asasnya bertujuan mengkaji penilaian proses yang melibatkan amalan pelaksanaan PdPc kurikulum Maharat al-Quran oleh guru TMUA. Bagi mencapai tujuan ini, objektif khusus yang ditetapkan adalah seperti berikut:-

- a. Meneroka kemudahan dan alat bantu mengajar yang disediakan oleh pihak tertentu ketika PdPc Maharat al-Quran
- b. Meneroka pelaksanaan amalan PdPc Maharat al-Quran guru TMUA

##### **4.1 Pelaksanaan Mata Pelajaran Maharat al-Quran**

Maharat al-Quran merupakan mata pelajaran kemahiran al-Quran yang merangkumi tilawah, hukum tajwid, adab al-Quran, ilmu Qiraat, amali Qiraat dan Rasm Uthmani. Bidang tilawah al-Quran menitik beratkan aspek mempelajari al-Quran secara betul, bertajwid, lancer dan fasih (Panduan Pelaksanaan Mata Pelajaran KBT, KPM 2017).

Pembelajaran tilawah al-Quran dilaksanakan secara talaqqi mushafahah mengikut sukaan yang telah disediakan bagi setiap tingkatan. Agihan tajuk bagi adab al-Quran pula meliputi pengenalan al-Quran, kelebihan membaca dan menghafaz al-Quran, kemuliaan ahli al-Quran, adab guru dan pelajar, adab penghafaz al-Quran, adab bersama al-Quran serta hukum menulis dan memuliakan mushaf (KPM 2017).

Seterusnya dalam tajwid, pembelajaran murid merangkumi elemen-elemen kepada asas ilmu tajwid, hukum membaca al-Quran secara bertajwid, jenis-jenis bacaan, hukum Nun Sakinah dan Tanwin, makharijul huruf dan sebagainya. Pembelajaran Manhaj Qiraat dan Amali Qiraat diajar semasa tingkatan empat dan lima sahaja. Rasm Uthmani pula meliputi pengenalan ilmu Rasm, sejarah penulisan mushaf, pembahagian Rasm dan kaedah Rasm Uthmani.

**Jadual 1: Agihan bidang mata pelajaran Maharat al-Quran**

No	Perkara	Ting.1	Ting. 2	Ting.3	Ting.4	Ting 5
1.	Tilawah al-Quran	√	√	√	√	
2.	Adab al-Quran	√				
3.	Tajwid	√	√	√	√	√
4.	Manhaj Qiraat Sab'ah				√	√
5.	Amali Qiraat Sab'ah				√	√
6.	Rasm Uthmani					√

Sumber : KPM 2017

Proses pengajaran dan pembelajaran Maharat al-Quran adalah antara jam 9.30 pagi hingga 12.30 tengah hari. Peruntukan waktu PdPc bagi mata pelajaran Maharat al-Quran untuk tingkatan satu hingga tingkatan lima adalah sebanyak dua waktu dalam seminggu. Kaedah pengajaran Maharat al-Quran ini melibatkan kaedah talaqqi mushafahah, teori kaedah tujuh cara bacaan dan secara halaqah (berkumpulan) (Sri Andayani, 2019).

#### **4.2 Kaedah Pengajaran Maharat al-Quran**

Semasa pengajaran Maharat al-Quran, guru menyampaikan isi pengajaran berbentuk kuliah, mengaitkan ilmu dengan pengalaman sendiri, menggunakan kertas mahjong, LCD, komputer, laptop, membuat aktiviti sumbang saran, perbincangan dan meminta murid membuat rumusan (Sri Andayani, 2019).

Dalam mata pelajaran ini, guru harus bersedia dari aspek tajwid, penguasaan Bahasa Arab, bentuk kaedah bacaan qiraat dan asas nahu dalam Bahasa Arab. Guru boleh menggunakan buku panduan kelas khas kemahiran membaca dan menghafaz al-Quran dari tingkatan satu sehingga tingkatan lima (BPI, KPM 2017). Kajian Farah Ilyani, Mohd Aderi & Khadijah (2018) mendapati penekanan perlu diberikan kepada kelancaran bacaan murid, tajwid yang betul dan ketepatan menyebut makharijul huruf. Abu Najihat (2002) melihat peranan penting para guru dalam menguasai kemahiran pendidikan al-Quran agar dapat menjadikan bacaan masing-masing sebagai sumber rujukan untuk murid-murid.

Abdul Halim & Nik Mohd Rahimi (2010), dan Mohd Aliff et al. (2011), menyatakan bahan bantu mengajar yang kondusif dapat memberi impak yang positif kepada para murid sewaktu PdPc dijalankan. Kesesuaian penggunaan bahan bantu mengajar perlu dipilih oleh guru mengikut tahap kebolehan dan kesesuaian tajuk yang diajar kepada para murid.

#### **4.3 Isu Pengajaran dan Pembelajaran Maharat al-Quran**

Kualiti pendidikan adalah bergantung kepada keadaan dan kandungan kurikulumnya. Ini kerana pengakhiran sesuatu pendidikan itu bukan sekadar berfokus kepada pelaku itu sendiri, tetapi merupakan satu jalan untuk mencapai kepada matlamat yang lebih jauh dan murni (Mardhiah Yahaya, 2017).

Menyedari kepada cabaran globalisasi dalam mendepani arus pemodenan masyarakat, negara sentiasa bekerja keras dalam melahirkan insan yang cemerlang dengan sentiasa menilai dan menyemak pendidikan yang diberikan kepada warganya. Kesesuaian objektif dan matlamat pengajaran dan pembelajaran TMUA berada di min yang tinggi (Rabi'atul Athirah, 2016) menunjukkan dasar pendidikan tahfiz yang digubal oleh BPI, KPM berada di landasan yang baik. Namun begitu, pelaksanaan TMUA ini harus dipandu supaya produk yang bakal dihasilkan mendatangkan kebaikan berganda kepada semua pihak.

Kajian lepas mendapati guru kurang mengaitkan isi pelajaran Maharat al-Quran dengan pelajaran lalu. Selain itu, masih terdapat sebilangan guru yang tidak bersedia melaksanakan amalan pengajaran bagi mata pelajaran Maharat al-Quran di mana masih terdapat 157 orang guru kurang bersedia, 79 orang guru tidak bersedia dan 40 orang guru sangat tidak bersedia menggunakan internet bagi sukanan mata pelajaran Maharat al-Quran yang bersesuaian (Sri Andayani, 2019).

### **5. Kepentingan Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada warga TMUA terhadap mata pelajaran Maharat Al-Quran yang merangkumi aspek penguasaan pelajar, proses pengajaran dan pembelajaran serta kepentingannya kepada pelajar. Berpandukan kajian yang dijalankan ini adalah diharapkan dapat memberi suatu input dan maklumat yang berguna kepada semua Sekolah Menengah Tahfiz Model Ulul Albab khususnya dan kepada Bahagian Pendidikan Islam (Ulul Albab), Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pihak sekolah dapat meneliti langkah-langkah yang sewajarnya yang diambil untuk meningkatkan lagi kualiti dan penguasaan pelajar TMUA dalam memenuhi keperluan kurikulum Maharat al-Quran. Untuk bidang pendidikan khususnya dalam pendidikan al-Quran, kajian ini diharap dapat mencetuskan idea kepada pensyarah yang mengajar subjek-subjek yang berkaitan dengan al-Quran di institut pengajian tinggi awam maupun swasta berkenaan kaedah pelaksanaan kurikulum al-Quran yang terbaik untuk para mahasiswa. Para pensyarah juga dapat menambahkan ilmu dalam memilih pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai mengikut kemampuan dan kesesuaian pelajar. Kajian ini juga boleh digunakan sebagai panduan dan rujukan kepada penyelidik-penyalidik lain pada masa akan datang yang ingin menjalankan kajian lanjutan tentang masalah-masalah yang berkaitan (Azmil Hashim, 2010).

Kajian ini juga dilihat penting dalam menilai pelaksanaan kurikulum Maharat al-Quran yang telah dilaksanakan di sekolah-sekolah yang terpilih yang menggunakan kurikulum yang sama bermula pada tahun 2014 sehingga sekarang. Penilaian juga dilakukan dengan menilai sejauh manakah alat bantu hafazan yang digunakan oleh para guru dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, pengkaji juga menilai kesesuaian peruntukan masa yang ditetapkan oleh kementerian sama ada sudah mencukupi atau perlu dipanjangkan lagi. Melalui penilaian CIPP yang dipilih pengkaji, pengkaji dapat membentangkan hasil kajian yang sangat berguna kepada pihak yang terbabit tentang kerelevan dan kesesuaian serta penambahbaikan yang perlu dilaksanakan dalam memastikan pelaksanaan mata pelajaran Maharat al-Quran berdasarkan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab dapat dilaksanakan seiring dengan matlamat.

## **6. Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan empat orang guru TMUA dari empat buah sekolah TMUA dari zon Utara, Barat, Timur dan Selatan Semenanjung Malaysia. Kajian berbentuk penerokaan ini menemu bual secara mendalam kesemua peserta kajian. Temu bual secara mendalam separa struktur dilakukan bagi mendapatkan gambaran yang kukuh tentang status kefahaman guru dalam melaksanakan PdPc Maharat al-Quran. Peseta kajian dipilih berdasarkan kepada beberapa kriteria yang digariskan oleh pengkaji dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) supaya data yang diberikan mampu menjawab persoalan kajian dengan baik. Kriteria pemilihan peserta kajian bagi kajian ini ialah peserta kajian merupakan guru yang mengajar mata pelajaran Maharat al-Quran dengan pengalaman melebihi empat tahun dan bersedia berkongsi pengalaman mereka bersama pengkaji.

## **7. Dapatan Kajian**

Dapatan kajian menunjukkan penggunaan kemudahan dan alat bantu mengajar yang digunakan oleh guru TMUA dan amalan pelaksanaan PdPc mata pelajaran Maharat al-Quran. Berikut adalah huraihan lanjut mengenai tema yang dibincangkan.

### **7.1 Kemudahan infrastruktur dan alat bantu mengajar yang menyokong**

Kebanyakan guru bersetuju dan berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah. Berikut adalah sebahagian petikan temu bual yang menonjolkan aspek ini.

*Kemudahan yang ada di sekolah ini, antaranya biasalah, makmal ICT. Maknanya, kita ada chromebook. Kita juga ada bilik operasi tahfiz di mana selalunya bilik ini digunakan untuk guru-guru yang dicerap.*

(PK01)

*Dari segi kemudahan, alhamdulillah. Semuanya ok. Ada kelas yang selesa, ada projector, LCD. Malah ada guru yang mempunyai projector sendiri.*

(PK02)

### **7.2 Kekangan kemudahan yang digunakan**

Masih terdapat sekolah yang menyediakan kelas maharat al-Quran berkongsi dua halaqah. Keadaan ini menyebabkan ada segelintir guru yang kurang selesa. Berikut adalah sebahagian petikan temubual yang menyokong kenyataan ini.

*Satu kelas akan digunakan oleh dua halaqah. Satu halaqah belakang dan satu halaqah lain kat depan pula. Sebenarnya tak selesa untuk ajar bila ada dua kumpulan dalam satu tempat. Kita akan rasa tak selesa bila nak tegur pelajar, tetapi terpaksalah sebab memang tak boleh kerana kena kongsi dengan pelajar.*

(PK03)

### 7.3 Amalan Pengajaran dan Pemudahcaraan yang dilaksanakan

Amalan PdPc ini melibatkan proses pelaksanaan pengajaran guru TMUA yang melibatkan elemen PAK 21. Berikut adalah sebahagian temu bual yang menyokong data kajian.

*Sekarang kita guna google classroom. Pelajar juga melalui flip classroom. Jadi ini sangat-sangat membantu. Kemudian kita juga ada I read di mana kita fokuskan kepada tajuk-tajuk dan juga topik-topik sukar yang diulang banyak kali.*

(PK 01)

*Aa... banyak menggunakan google classroom dan satu lagi google meet. Selain itu saya buat Quizzes, Kahoot. Sebab dia nak menarik minat pelajar untuk menghasilkan PdPc berkesan.*

(PK 02)

*Kadang-kadang guru ni dia guna Qr Code melalui buku teks Maharat. Pelajar boleh mendengar bacaan dan ini banyak membantulah.*

(PK 03)

*Paling saya suka buat, Galery Walk. Sebab apa? Sebab dekat situ, kita dapat banyak elemen. Pertama, kerjasama di antara pelajar. Kedua, dari segi pembentangan, dia boleh latih pelajar untuk bercakap.*

(PK 04)

## 8. Perbincangan

Faktor kemudahan prasarana dan alat bantu mengajar PdPc Maharat al-Quran dibincangkan dalam kajian ini. Pengkaji juga menilai amalan-amalan PdPc yang dipraktikkan oleh guru TMUA ketika sesi pengajaran. Kemudahan dan alat bantu mengajar yang disediakan oleh pihak sekolah seperti kelas khas, LCD, projector, laptop, chrome, audio pembesar suara memenuhi keperluan guru dan pelajar. Malah, kecekapan guru mengendalikan proses PdPc menggunakan ICT juga ditonjolkan dengan baik sekali. Guru-guru memilih untuk menggunakan teknologi ketika mana mereka merasa sesuai penggunaannya untuk topik-topik Maharat al-Quran yang dikenal pasti. Malah, pengawalan kelas guru bertambah baik apabila berjaya memilih teknologi yang sesuai dengan matlamat PdPc mereka (McCulloch, Hollebrands, Lee, & Harrison, 2018). Hasil kajian juga membuktikan tahap kesediaan guru TMUA menggunakan elemen PAK 21 ketika pelaksanaan PdPc Maharat al-Quran. Kesediaan mereka dapat dilihat melalui penguasaan mereka terhadap elemen PAK 21. Kesemua mereka mengetahui istilah-istilah yang diperkenalkan dalam elemen ini malah dapat mendemonstrasinya dengan baik semasa PdPc mata pelajaran ini.

## 9. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian ini mengfokuskan kepada prasarana kemudahan dan alat bantu mengajar mata pelajaran Maharat al-Quran. Amalan pengajaran guru mata pelajaran ini juga dibincangkan. Dapatkan kajian mendapati sokongan kemudahan dan alat bantu mengajar yang pelbagai mampu meningkatkan motivasi pelajar dalam menguasai mata pelajaran ini. Selain itu, pengkaji percaya kejayaan kurikulum Maharat al-Quran memerlukan satu gerak kerja yang tersusun dan digerakkan secara sistematik bagi melahirkan produk berkualiti yang diharapkan. Oleh sebab itu, proses penambahbaikan perlu dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan pelaksanaan kurikulum Maharat al-Quran yang dijalankan menepati matlamat dan objektif yang dirancang. Penggembelangan tenaga dari semua pihak termasuklah penggubal dasar, pelaksana kurikulum, penerima kurikulum serta kumpulan sokongan menjadi titik tolak kejayaan ‘survival’ kurikulum mata pelajaran Maharat al-Quran ini pada masa akan datang.

## Rujukan

- Ahwani. 1983. *al-Tarbiyah fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.  
 Azmil Hashim, Abd Halim Tamuri, Misnan Jemali, Aderi Che Noh. 2014. *Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan al-Quran*. Journal al-Quran & Tarbiyah, Vol. 1 (1). 2014. 9-16  
 Azhar Ahmad, Hairul Hisham Adam. 2018. *Dasar Pendidikan Tahfiz Negara: Pelaksanaan di Kementerian*

- Pendidikan Malaysia.* Prosiding Nadwah Ulama Nusantara Siri ke-8. Universiti Kebangsaan Malaysia, 23-25 Okt.
- Azmil Hashim.2010. Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran, JAKIM dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Perlis. 2017. Dapatan Pemeriksaan Penarafan Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab
- Farah Ilyani Zakaria, Mohd Aderi Che Noh, Khadijah Abdul Razak. 2018. Amalan Pengajaran Pelajar Tahfiz di Institusi Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia.*43 (3): 141-148.
- Fathiyah Mohd Fakharuddin, Ahmad Fauzi Mohd Ayu, Norlizah Che Hasan, Wan Marzuki Wan Jaafar, Lukman Abd Mutualib. 2019. *Cabaran Pembelajaran dan Sokongan yang diperlukan oleh Murid Tahfiz di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Terpilih di Malaysia.* Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs, Vol 3, December 2019
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. Surat Pekeling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia. Bil. 1 2016: Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab di Sekolah Menengah KPM
- Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Azmil Hashim, Wahyu Hidayat, Ahmad Yussuf dan Abd Hadi Borham. 2016. *Tahap Penggunaan Alat Bantu Hafazan (ABH) dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz Al-Qur'an di Malaysia.* Dlm Mohd Yaakub Zulkifli Mohd Yusuf & Nordin Ahmad 9 (pynt.). Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran. hlm. 87-96. Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM.
- Majdi Ubaid. 2014. *9 Langkah Mudah Menghafal al-Quran.* Solo: PT Aqwam Media Profetika.
- Mardhiah Yahya, Zetty Nurzuliana binti Rashed 2018. *Amalan Guru Hafazan dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Maktab Rendah Sains Mara (MRSRM) Ulul Albab.* Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor, Bil 2 No.1 2018
- Mardhiah Yahya. 2018. Ke Arah Transformasi Pendidikan (Program Uul Albab): Kajian Kes MRSRM Ulul Albab. 4<sup>th</sup> International Conference on Islamiyyat Studies, 18-19 September 2018
- Marzuqi Abdul Rahim, Ahmad Yussuf, Abd. Hadi Borham, Muhammad Akramin Kamarul Zaman. 2016. *Amalan Pengajaran Pensyarah Tahfiz Al-Quran di Malaysia.* Journal of Islamic Educational Research (JIER) Special Issue. 1. 11-20
- Mcculloch, A. W., Hollebrands, K., Lee, H., & Harrison, T. (2018). Computers & Education Factors that influence Secondary Mathematics Teachers' Integration of Technology in Mathematics Lessons. *Computers & Education*, 123(April), 26-40. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2018.04.008>
- Muhd. Zulhilmi Haron, Mohd. Khairi Othman, Mohd Isha Awang. 2018. *Pelaksanaan Program Tahfiz Model Ulul Albab di Malaysia: Isu dan Cabaran.* Universiti Malaysia Kelantan, 6<sup>th</sup> International Conference in Islamic Education: Rabbani Education. 4-5 Nov 2018, Kota Bharu, p 321-329.
- Muhd Zulhilmi Haron, Mohd Khairi Othman, Mohd Isha Awang. 2019. *Keperluan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia.* Practitioner Research 1 (Julai), p 289-316.
- Muhd. Zulhilmi Haron, Mohd Muslim Md Zali, Siti Noor Aneeq Hashim, Ahmad Rusli Abdul Gani, Ismail Salleh. 2020. Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berteknologi dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan Murid Tahfiz Model Ulul Albab. *Al-Hikmah* 12 (2), p. 3-18 Disember 2020.
- Norhazriah Mohamed. 2012. *Program Ulul Albab Sebagai Suatu Proses Transformasi Pendidikan Malaysia. Kajian Kes: Sekolah Menengah Imtiyaz Terengganu.* Bengkel Antarabangsa Pembangunan Berteraskan Islam V (WA 5). Universitas Muhammadiyah Sumatera. Medan.
- Noor Hisham Md Nawi, Nasrun Hakim Salleh. 2017. *Pembinaan Model Pengajaran Tahfiz di Malaysia.* Online Jurnal of Islamic Education, Vol. 5, p. 1-11 Julai 2017
- Rabi'atul Athirah Muhd Isa.2016. Pelaksanaan Mata Pelajaran Hifz al-Quran. Kajian Kes di SMKA Kuala Lumpur. Kertas Projek Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sri Andayani Mahdi Yusuf. 2019. Kesediaan dan Amalan Guru Dalam Pengajaran Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) Sekolah Menengah di Malaysia. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Stufflebeam, Daniel L.2003. *The CIPP Model for Evaluation.* Annual Conference of the Oregon Program Evaluators Network (OPEN). Western Michigan University.
- Zainora Daud. 2018. *Tahap Keberkesanan Ilmu Tajwid. Analisis Terhadap Sekolah Tahfiz Swasta di Selangor.* Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs. Vol. 2, Disember 2018